

Keputusan mahkamah beri asas kukuh Beting Patinggi Ali, Serupai milik negara

Malaysia juga dapat pertahanan hak

Kosmo - 14/9/2016 em/s 52

Oleh MANIRAH OTHMAN

KUALA LUMPUR - Keputusan Mahkamah Tetap

Arbitrasi Antara-bangsa di The Hague, Belanda kelmari yang menafikan tuntutan China ke atas Laut China Selatan memberi asas kukuh kepada Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan terutama di kawasan Beting Patinggi Ali dan Beting Serupai.

Melalui keputusan itu, negara juga mempunyai hak untuk menghalau atau mengambil tindakan ke atas mana-mana pencerobohan di kawasan yang terletak di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara di Laut China Selatan.

Geostrategis Institut Geospatial dan Sekolah Perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Azmi Hassan berkata, kesemua beting di

dalam kawasan ZEE adalah hak milik negara yang terlibat.

“Di dalam kes ini, Beting Serupai dan Beting Patinggi Ali yang terletak di Laut China Selatan adalah hak milik Malaysia kerana terletak di kawasan ZEE kita,” katanya ketika dihubungi semalam.



AZMI



ZAID

Beliau menengulas keputusan mahkamah antarabangsa yang memutuskan China tidak mempunyai hak sejarah ke atas perairan Laut China Selatan.

Dalam penghakiman tersebut, tiada satu pun terumbu dan pulau diduduki China di Kepulauan Spratly boleh dijadikan sandaran untuk menuntut hak ke atas ZEE sesebuah negara.

Sebelum ini, China mendakwa, hampir keseluruhan kawasan Laut China Selatan sebagai wilayah kedaulatan yang ditanda-



KERATAN Kosmo! semalam.

kan dengan sembilan garis putus-putus di atas peta China pada tahun 1940-an termasuk kawasan Beting Serupai dan Beting Patinggi Ali.

Dalam pada itu, menurut Azmi, keputusan itu turut memberi kekuatan kepada Malaysia untuk berdepan dengan China melalui asas undang-undang.

“Beting Serupai dan Beting Patinggi Ali sudah banyak kali diceroboh namun selepas ini kita mempunyai asas untuk mempertahankan kawasan ini,” katanya.

Jelasnya, Filipina turut mendapat kesan positif sama kerana mereka dapat mempertahankan beberapa kawasan di bawah ZEE milik mereka seperti di ka-

PETA menunjukkan kedudukan Beting Serupai dan Beting Patinggi Ali di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif

Pertikaian tuntutan di Laut China Selatan

Negara menuntut:

- China
- Brunei
- Malaysia
- Filipina
- Vietnam




Kawasan: Laut China Selatan meliputi kawasan lebih 3 juta km persegi

Dagangan: Lebih AS\$5 trilion dibawa oleh kapal-kapal yang melalui lautan ini setahun

Minyak dan gas: Sumber gas serta minyak belum diteroka dipercayai banyak berada di kawasan ini

Sumber: CSIS/AMTI/D.Rosenberg/MiddleburyCollege/HarvardAsiaQuarterly/Phil gov't/ChinaMaritimeSafetyAdministration



awasan Beting Scarborough dan beberapa kawasan lain yang sering diceroboh oleh China.

Sementara itu, seorang profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketaamadunan, Fakulti Ekologi, Universiti Putra Malay-

sia, Prof Dr. Zaid Ahmad memberitahu, keputusan mahkamah antarabangsa itu perlu dibawa ke meja rundingan bersama negara-negara terlibat.

“China sebagai kuasa besar mungkin tidak berpuas hati dengan keputusan

tersebut dan bagi mengelak konflik, keputusan ini harus dibincangkan lagi termasuk berkenaan beberapa kawasan yang menjadi tuntutan bertindih,” ujarnya.